



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (PENDIDIKAN TINGGI)



www.moe.gov.my

MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 15 MAC 2015

MUKA 5



Meningkatkan akses pendidikan berkualiti

MUKADIMAH Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 adalah kesinambungan kepada PPPM (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) yang mencakupi aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Melalui kedua-dua pelan ini, Kementerian Pendidikan terus komited untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan di negara kita. Kesinambungan ini boleh dilihat dari segi ekosistem, keberhasilan individu, penggunaan teknologi khususnya menerusi Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh menjelaskan mengenai penghasilan PPPM (PT) dan kesinambungan dengan PPPM (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) dalam mewujudkan sistem pendidikan yang menjangkau ke hadapan. Langkah ini bakal melonjakkan kedudukan negara kepada kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa diiktiraf bersama-sama negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik dunia.

UTUSAN: Tidak lama lagi akan dilancarkan pula Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Boleh Datuk Seri jelaskan bagaimana pula pelan ini dihasilkan?

Pelan yang dihasilkan ini telah melalui tiga fasa yang melibatkan banyak pihak berkepentingan, pemegang taruh (*stake holders*), pakar dari dalam dan luar negara, industri, sektor awam dan swasta serta orang awam.

Fasa pertama, bermula dengan penyemakan semula ke atas Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, kemudian (PSPTN) yang telah mencapai tahap pertengahan perlaksanaannya pada tahun 2013 melalui kaedah seperti soal selidik, perbincangan kumpulan terfokus, dan juga sesi pendengaran umum.

Kemudian fasa kedua yang melibatkan ahli akademik dan pendidik dari sektor awam dan swasta. Hasilnya Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti 10 lonjakan yang diperlukan untuk membawa sistem pendidikan tinggi Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi.

Seterusnya, penglibatan awam yang lebih meluas berlaku pada Fasa Ketiga. Pelan yang telah ditulis ini mendapat pandangan daripada pelbagai pihak sama ada secara bersemuka atau melalui atas talian.

Bagaimana PPPM (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) ini disambut pula dengan

PPPM (PT) dalam usaha meningkatkan akses dan kualiti pendidikan di negara kita?

Memang menjadi dasar kementerian untuk memastikan setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing.

Kita bukan sahaja menyediakan pendidikan arus perdana tetapi juga sekolah kluster kecemerlangan, sekolah amanah, sekolah berasrama penuh, kolej vokasional, pendidikan khas dan pendidikan inklusif, kurikulum khas Orang Asli, Sekolah Sukan dan Sekolah Seni, Sekolah Dalam Hospital, Sekolah Integriti bagi pesalah juvenil, dan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih bagi anak-anak gelandangan - semua ini memberi peluang kepada setiap kanak-kanak mendapatkan pendidikan berkualiti.

Kita juga ada Sekolah Model Khas K9 - pendidikan murid Orang Asli dan kawasan pedalaman pendidikan wajib sembilan tahun - jadi tidak timbul soal keciciran kerana peluang pendidikan terbuka luas untuk setiap murid.

Dari segi kualiti, PPPM (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) berhasrat untuk memastikan bahawa pelajar Malaysia cemerlang dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA yang dapat memberikan gambaran sama ada kita setaraf dengan sistem



Dari segi akses, kementerian akan mempelbagaikan pilihan yang sedia ada antara akademik dan vokasional, dan inisiatif-inisiatif yang dapat meningkatkan akses, seperti APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning)

IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan II

pendidikan terbaik di dunia.

Di peringkat pendidikan tinggi, PPPM (PT) juga berhasrat untuk terus memberi akses pendidikan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia. Dianggarkan bahawa permintaan enrolmen akan terus bertambah.

Selain itu, dari segi kualiti, terdapat peningkatan kedudukan universiti awam di Malaysia di peringkat dunia yang menunjukkan bahawa kualiti pendidikan tinggi di Malaysia kian meningkat.

Sebanyak 11 buah fakulti IPTA berada dalam Top 100 dunia di bidang masing-masing. USM di tem-

pat ke-28 dalam bidang Sains Alam Sekitar manakala UPM tempat ke-54 dalam Sains Pertanian.

Kementerian sedar bahawa kedudukan ranking dunia merupakan penanda aras yang penting bagi pelajar dalam dan luar negara sebelum memilih destinasi pendidikan. Alhamdulillah, Malaysia merupakan destinasi kesembilan paling popular dunia dengan 135,502 pelajar antarabangsa yang sedang menuntut di sini.

Menerusi PPPM (PT), Kementerian akan memastikan bahawa akses dan kualiti ini akan terus diingkatkan.

Dari segi akses, kementerian akan mempelbagaikan pilihan yang sedia ada antara akademik dan vokasional, dan inisiatif-inisiatif yang dapat meningkatkan akses, seperti APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning) yang diuruskan oleh Agenzia Kelayakan Malaysia (MQA).

Antara anjakan PPPM(PT) adalah Negara Berpendidikan Sepanjang Hayat (PSH). Ini merupakan hasrat kerajaan untuk memupuk budaya belajar sepanjang hayat. Kolej Komuniti telah dinobatkan sebagai Hab PSH oleh Kabinet. PSH merupakan tonggak ketiga dalam sistem pendidikan.

Dari segi kualiti pula, kementerian komited memastikan IPTA tempatan terus meningkat dalam ranking dunia.

Setelah memberikan akses yang luas dan laluan pendidikan yang fleksibel, apakah ciri persamaan antara PPPM (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) dengan PPPM (PT) ini, terutama dalam keberhasilan individu itu sendiri?

Untuk mendepani cabaran masa kini dan masa depan, kedua-dua PPPM menggariskan aspirasi yang sama iaitu lima Aspirasi Sistem: akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan serta enam Aspirasi Murid atau individu: pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Kitakekalkan kerana kita percaya perlu ada kesinambungan

yang jelas antara kedua-duanya.

Sebagai contoh bila kita bercakap tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), tidak kira apa tahap pendidikan sama ada murid Tahun Tiga atau mahasiswa Tahun Tiga, seorang individu itu perlu mempunyai kemahiran untuk menganalisis dan membuat pertimbangan yang rasional.

Di peringkat sekolah, apabila kita bercakap tentang keberhasilan murid, bukan merujuk kepada bilangan A yang diperoleh oleh setiap pelajar semata-mata, tetapi kita juga harus melihat keberhasilan secara holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan aspirasi pendidikan kita. Sebab itu kita amalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang lebih menyeluruh.

Untuk mengukur minat murid, kita gunakan Pentaksiran Psikometrik (PPSi), satu-satunya digunakan secara meluas untuk setiap murid di dunia.

Di peringkat Pendidikan Tinggi pula, kementerian berhasrat melahirkan graduan berkeusahawanan, holistik dan seimbang. Ini merangkumi penerapan nilai-nilai yang murni, kebolehan berkomunikasi, profisiensi bahasa Inggeris, kebolehpasaran, dan berfikiran global.

Antara inisiatif yang dicadangkan termasuk merangka kaedah pentaksiran berintegrasi, ataupun integrated CGPA yang dari segi rohnya sama dengan pendekatan PBS.

Ini bermaksud PNGK/CGPA mahasiswa tidak berasaskan pencapaian akademik semata-mata, tetapi mengambil kira penyertaan dalam kurikulum, aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan, dan kemahiran abad ke-21.

Apakah ciri kesinambungan lain antara PPPM (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) dengan PPPM (PT)?

Terdapat banyak ciri kesinambungan lain antaranya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan teknologi.

Dari segi penggunaan teknologi, bagi pendidikan asas kita kini meningkatkan penggunaan 1BestariNet, akses menerusi pelantar pembelajaran maya FROG VLE boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja dari seluruh dunia. Bagi pendidikan tinggi, salah satu anjakan ialah Pembelajaran Atas Talian Secara Global.

Untuk mencapai matlamat ini, kementerian berhasrat menjadikan online dan blended learning sebagai asas kepada kurikulum, dengan memberi galakan agresif ke atas Massive Open Online Courses (MOOCs).

Dasar e-Pembelajaran Negara (Depan) menyediakan kerangka untuk pelaksanaan e-pembelajaran yang berkualiti kepada institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

TVET antara usaha kerajaan dalam mempelbagaikan akses pendidikan kepada pelajar. Kerajaan berhasrat menjadikan TVET sebagai pilihan perdana dan usaha telah bermula sejak pelancaran transformasi pendidikan vokasional pada tahun 2012.

Dalam PPPM (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) ini, keputusan Psikometrik digunakan untuk menentukan kemasukan ke bidang TVET.

Di peringkat pendidikan tinggi, program TVET merangkumi kelayakan pada tahap sijil, diploma, dan ijazah dalam sektor pendidikan dan latihan kemahiran.

Kementerian telah menyediakan pelbagai program dalam bidang yang memerlukan kemahiran tinggi ini melalui kolej vokasional, politeknik, kolej komuniti dan melalui MTUN (Malaysia Technical Universities Network) yang terdiri daripada UTem, UTHM, UMP, dan Unimap.

Di bawah PPPM (PT), Kementerian akan memastikan graduan yang dilahirkan melalui TVET adalah berkualiti dengan kelayakan diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa serta dapat memenuhi perintahtaan dari pihak industri.

Dari segi penggunaan teknologi, bagi pendidikan asas, kita kini meningkatkan penggunaan 1BestariNet, akses menerusi pelantar pembelajaran maya FROG VLE boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja dari seluruh dunia. Bagi pendidikan tinggi, salah satu anjakan ialah Pembelajaran Atas Talian Secara Global.

Untuk mencapai matlamat ini, kementerian berhasrat menjadikan online dan blended learning sebagai asas kepada kurikulum, dengan memberi galakan agresif ke atas Massive Open Online Courses (MOOCs).